



DASAR HAK ASASI MANUSIA

Tujuan

Menghormati hak asasi manusia ialah kewajipan sejagat kami dan membentuk bahagian penting visi, sahsiah dan nilai Kelly. Hak asasi manusia mendasari hubungan kami dengan pekerja, pelanggan dan pembekal kami dan juga dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Kami terikat oleh kewajipan mewujudkan keadaan kerja yang adil dan selamat untuk semua pekerja kami dan menyediakan peluang yang diperlukan untuk berkembang. Kami juga menghendaki rakan-rakan kongsi kami mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia yang selaras dengan prinsip-prinsip yang kami ikuti, terutamanya yang mungkin menjejaskan pekerja, calon jawatan dan pencari pekerjaan.

Dasar

Dasar ini serta semua amalan kerja dan buruh kami diwajibkan dengan inisiatif-inisiatif global misalnya Konvensyen ILO dan Prinsip-prinsip Panduan PBB tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Kelly menyertai Pakatan Global Bangsa-bangsa Bersatu dan mematuhi prinsip-prinsipnya, antara lainnya yang berkait dengan hak asasi manusia dan buruh.

Keterangkuman dan kepelbagaian

Pada peringkat global, kami menganggap keterangkuman dan kepelbagaian sebagai komponen-komponen penting Visi, Sahsia dan Nilai Kelly. Kami memupuk suasana merangkul yang menerima, menghormati, melibatkan dan menggalakkan kejayaan manusia segenap latar belakang. Keprihatinan kami tentang manusia mendorong tumpuan kami terhadap pertumbuhan, pembelajaran dan perkembangan yang berjangka panjang. Kami wujudkan pelbagai peluang untuk pekerja pelbagai bakat yang ingin mencapai kecemerlangan. Apabila pekerja kami berkembang, kami juga berkembang.

Tiada diskriminasi

Kami bermatlamat menjamin komitmen kami kepada amalan yang tidak mendiskriminasi di tempat kerja, iaitu semua pemohon dan pekerja yang layak akan menikmati hak mendapat peluang pekerjaan dan peningkatan, tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, umur, agama, negara asal, haluan seksual, ketidakupayaan, taraf veteran atau mana-mana kategori lain di bawah undang-undang yang berkenaan.

Kesaksamaan

Kelly Services mengamalkan dasar menyediakan peluang pekerjaan yang saksama pada peringkat mengambil pekerja baharu, memilih, melatih, menentukan imbuhan, menaikkan pangkat, memindahkan dan menentukan tugas, serta memastikan bahawa keputusan yang berkenaan dengan pekerjaan dibuat berdasarkan keperluan pekerjaan itu semata-mata. Peluang ini serta syarat-syarat pekerjaan yang lain dihulurkan kepada pemohon dan pekerja yang layak tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, kehamilan, umur, agama, negara asal, ciri-ciri genetik, haluan seksual, identiti jantina/penampilan jantina, taraf veteran dan ketenteraan dan/atau kategori-kategori lain yang terlindung oleh undang-undang yang berkenaan dan selanjutnya, bertindak mengambil sebagai pekerja dan memajukan kerjaya golongan minoriti, wanita, orang kurang upaya dan veteran terlindung yang layak.

Penyesuaian

Kelly Services akan cuba menyesuaikan keadaan dengan sewajarnya untuk orang kurang upaya, kecuali penyesuaian sedemikian akan menyebabkan kesusahan yang tidak berpatutan. Penyesuaian yang berkait dengan kehamilan, kelahiran anak dan penyusuan juga akan dipertimbangkan dalam dasar ini. Antara langkah penyesuaian yang sewajarnya berhubung dengan ketidakupayaan ialah pengecualian daripada dasar cuti atau kehadiran yang dikenakan. Kelly Services tidak akan menyekat peluang pekerjaan berdasarkan keperluannya membuat penyesuaian yang sewajarnya berhubung dengan ketidakupayaan atau kehamilan.

Larangan mengganggu

Kelly terikat oleh kewajiban memelihara suasana kerja yang bebas daripada gangguan. Kelly tidak akan membiarkan sahaja perbuatan mengganggu terhadap mahupun oleh pekerjaanya. Semua pekerja dikehendaki berperanan memastikan suasana kerja tanpa gangguan. Seandainya situasi yang mungkin melanggar dasar ini diketahui, Kelly akan menjalankan penyiasatan yang segera dan rapi. Kelly tidak akan membiarkan sahaja perbuatan membalas dendam terhadap sesiapa sahaja yang melahirkan kekhawatirannya secara suci hati tentang kejadian gangguan atau yang menyertai atau memberikan kerjasama dalam penyiasatannya.

Buruh paksa atau buruh wajib

Kelly mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap apa jua bentuk pemerdagangan manusia atau aktiviti-aktiviti yang berkait dengannya, termasuklah sebarang bentuk gangguan, tindakan balas, buruh paksa atau buruh wajib, pemerdagangan seks, buruh kanak-kanak atau apa-apa jenis kerja jelas hutang oleh pekerja yang menyalahi undang-undang. Kami berusaha menjamin amalan mengambil pekerja baharu dan mengekalkan khidmat pekerja secara bertanggungjawab dalam operasi kami dan oleh para pembekal dan pelanggan kami sedunia.

Pemerdagangan manusia dan pengabdian

Kelly tidak pernah dan tidak akan mengizinkan pekerja, subkontraktor, penjual, pembekal atau entiti-entiti lain yang berurusan dengannya melibatkan diri dengan apa-apa cara pun dalam pemerdagangan manusia atau pengabdian moden. Kami telah menyampaikan garis panduan khusus tentang perbuatan yang boleh dianggap sebagai pemerdagangan manusia dan pengabdian, yang tidak kami terima dalam apa keadaan pun.

Buruh kanak-kanak

Tataniaga dan Tataetika kami serta Tatakelakuan Pembekal menyatakan bahawa dalam amalan perniagaan kami dan juga yang diikuti oleh rakan niaga dan pembekal kami, undang-undang buruh kanak-kanak yang dikenakan, termasuklah yang berkait dengan had umur minimum, had tempoh kerja dan larangan melakukan beberapa jenis kerja yang tertentu, wajib dipatuhi. Kelly faham bahawa peluang mungkin timbul untuk menempatkan pekerja yang belum mencapai usia 18 tahun dan oleh itu telah melaksanakan dasar yang memastikan kepatuhannya terhadap undang-undang buruh persekutuan dan peraturan OSHA. Dasar ini merangkumi semua negara tempat kami beroperasi dan menghormati semua hak asasi manusia yang diisytiharkan pada peringkat antarabangsa.

Kebebasan berserikat

Kelly percaya bahawa keperluan para pekerja dapat dipenuhi dengan paling baik dalam suasana kerja yang berusaha sama, iaitu terdapat komunikasi langsung antara pekerja dengan wakil Kelly mereka. Dasar kami menggalakkan pekerja agar berurusan terus dengan wakil Kelly masing-masing untuk menyelesaikan pertikaian yang mungkin berlaku dan kami berusaha memupuk suasana kerja yang positif, menetapkan syarat-syarat pekerjaan yang bagus, menyokong perkembangan pekerja dan memudahkan komunikasi langsung dengan pekerja. Semua pekerja bebas menganggotai atau tidak menganggotai kesatuan sekerja atau organisasi perwakilan luar seumpamanya. Kelly menghormati hak semua pekerja menyertai aktiviti yang terlindung, antara lainnya kebebasan berserikat dan melakukan rundingan kolektif. Pekerja dibenarkan melakukan aktiviti tanpa rasa takut diugut atau dikenakan tindakan balas, selaras dengan undang-undang yang berkenaan. Kelly juga percaya bahawa rakan niaga dan pembekal hendaklah mengiktiraf hak kebebasan berserikat, selaras dengan undang-undang yang berkenaan.

Kesihatan dan keselamatan

Kelly menerima tanggungjawab bersama untuk melindungi manusia dan bumi. Modal insan ialah aset kami yang paling penting. Kami terikat oleh kewajiban mencapai sifar kemalangan dan bahaya pekerjaan untuk mewujudkan suasana kerja yang menepati syarat-syarat keselamatan dan kesihatan yang setinggi-tingginya.

Bayaran upah/imbuhan yang setimpal

Falsafah Imbuhan Global kami mengamalkan dasar dalaman yang menjamin imbuhan yang setimpal untuk semua pekerja kami dan menyediakan peluang yang menyeluruh bagi kemajuan kerjaya mereka. Falsafah ini merasmikan dan meningkatkan ketelusan pada amalan pembayaran imbuhan kami, dengan itu memastikan pekerjaan yang saksama pada peringkat mengambil pekerja baharu, memilih, melatih, menentukan imbuhan, menaikkan pangkat, memindahkan dan menentukan tugas.

Pelaporan Awam

Kami melaporkan komitmen, usaha dan pernyataan kami yang berkait dengan hak asasi manusia secara awam, selaras dengan Dasar Hak Asasi Manusia ini, sebagai sebahagian daripada Laporan Kemapanan tahunan kami. Laporan ini menyemak keselarasan amalan kami dengan piawai pelaporan antarabangsa tentang kemapanan dan Matlamat Pembangunan Mapan PBB.

Sekatan dan Ketidakpatuhan

Pelanggaran undang-undang Hak Asasi Manusia mungkin besar padahnya terhadap Syarikat dan juga orang yang terlibat melakukan pelanggaran tersebut, termasuklah kemungkinan dikenakan denda dan hukuman yang berat, ganti rugi sivil dan hukuman jenayah. Di berbilang bidang kuasa, pelanggaran undang-undang Hak Asasi Manusia juga boleh mengakibatkan hukuman penjara yang panjang.

Pelaporan, Pematuhan dan Dasar Pintu Terbuka

Pematuhan

Jabatan Audit Dalaman, Jabatan Undang-undang dan Jabatan Risiko akan mengkaji kepatuhan dasar ini secara berkala, serta mengambil kira masalah Hak Asasi Manusia dalam audit tetap dan operasi pematuhan yang berkait dengan operasi, akaun dan rekod Syarikat.

Dasar Pintu Terbuka

Oleh sebab Dasar ini mustahil dapat menggambarkan setiap keadaan yang mungkin timbul dan oleh sebab undang-undang yang mengawal tingkah laku Hak Asasi Manusia mungkin berbeza-beza mengikut bidang kuasa, maka pekerja digalakkan membincangkan **sebarang** keraguan tentang pematuhan dengan penyeliannya dan/atau mendapatkan nasihat Jabatan Undang-undang atau Audit Dalaman sebelum melakukan aktiviti yang mungkin melanggar undang-undang Hak Asasi Manusia. Jabatan Undang-undang boleh dihubungi melalui direktori Syarikat di alamat e-mel employlaw@kellyservices.com ataupun secara telefon melalui talian +1 248 244-4555. Individu yang berada di negara selain Amerika Syarikat harus menghubungi wakil undang-undang di tempatnya atau Jabatan Undang-undang Korporat Syarikat.

Melaporkan Pelanggaran Yang Mungkin Berlaku

Kami telah melaksanakan beberapa rangkaian untuk membolehkan pekerja Kelly dan pihak-pihak yang berkepentingan melaporkan perkara yang dipercayai mungkin melanggar dasar kami ataupun undang-undang dan peraturan tempatan. Semua pertanyaan dan laporan tentang tingkah laku yang tidak beretika dianggap serius dan akan dikendalikan secara sulit. Pekerja Kelly hendaklah bercakap dengan pengurus masing-masing, wakil Sumber Manusia mereka atau jabatan Undang-undang Kelly (employlaw@kellyservices.com). Calon jawatan, pencari pekerjaan, pelanggan dan pembekal hendaklah menghubungi wakil Kelly masing-masing. Pekerja dan pihak-pihak yang berkepentingan juga boleh melaporkan pelanggaran yang mungkin telah berlaku 24 jam sehari, 7 hari seminggu melalui Program Pelaporan Tingkah Laku & Etika Perniagaan Kelly Services melalui talian 877.978.0049 atau di laman web <https://www.integrity-helpline.com/kellyservices.jsp> di Amerika Syarikat, atau bagi Eropah, di laman web <https://www.financial-integrity.com/kellyserviceseu.jsp> ataupun melalui talian bantuan yang dinyatakan dalam Tataniaga dan Tataetika.

Larangan Mengambil Tindakan Balas

Kelly menghargai setiap orang yang sudi melaporkan keraguan. Apa jua jenis tindakan balas terhadap sesiapa pun disebabkan laporan yang dibuat secara suci hati di bawah dasar ini dengan nyata dilarang dan akan mengakibatkan orang yang berkenaan dikenakan tindakan pembetulan, termasuklah dipecat. Jika anda mengesyaki bahawa anda atau orang lain telah dikenakan tindakan balas kerana membangkitkan sebarang hal yang berkaitan dengan undang-undang atau pengendalian perniagaan, hubungi Ketua Peguam, Ketua Pegawai Sumber Manusia atau Naib Presiden Audit Dalaman dengan segera.

Hubungi

Untuk bertanya tentang dasar ini, hubungi Pusat Ilmu Sumber Manusia melalui talian 1-877-301-8460 atau alamat e-mel HRKnowledgeCenter@kellyservices.com.